

Nornabila ditemui di Kuantan selepas lari dari rumah di Jerantut tiga hari lalu

M53. 23/3/12 kosmo 23/12

Gadis hilang ikut suami orang



NORNABILA



KERATAN Kosmo! semalam.

siasatan, pelajar terbabit pernah hilang dari rumah sebelum ini bersama lelaki sama yang berusia 20-an.

Akhbar semalam melaporkan Nornabila atau lebih mesra dipanggil Kakak didapati tidak pulang ke rumah selepas keluar ber-



Di lokasi berhampiran kedai serbaneka 7-Eleven di Taman Tas, Kuantan inilah Nornabila ditemui malam kelmarin.

sama rakannya, Nor Syazwani Mazlan, 15, pada pukul 8.30 malam Isnin lalu.

Dalam pada itu, ibu Nornabila, Norazlina Osman, 47, memberitahu, anaknya itu menghantar khidmat pesanan ringkas kepadanya malam kelmarin memaklumkan dia berada di Kuantan.

"Saya bersyukur kerana dia selamat dan kini sedang berehat.

"Ini merupakan sejarah hitam dalam keluarga kami, saya ber-

harap perkara ini tidak berulang kerana ia terlalu pahit untuk ditelan. Kami semua sayangkan Kakak," katanya yang enggan mengulas lanjut dan tidak membenarkan wartawan mengganggu mereka sekeluarga.

Norazlina berkata, dia tidak akan memarahi Nornabila dan sedia berbincang dengan anaknya itu jika dia mempunyai masalah.

Pada Ahad lalu, seorang remaja perempuan, Siti Nur Fatimah Ma-

hadi, 15, dilaporkan hilang didakwa diculik di Taman Tas, Kuantan ketika keluar untuk membeli kad tambah nilai prabayar.

Dua hari selepas hilang, Fatimah ditemui semula berada di rumah keluarga kekasihnya di Merchong, Pekan.

Fatihah mengaku dia bukan diculik seperti didakwa keluarganya tetapi dengan rela hati melarikan diri untuk tinggal di rumah keluarga kekasihnya yang berusia 26 tahun.